



JABATAN  
PERLINDUNGAN  
HIDUPAN LIAR  
DAN  
TAMAN NEGARA  
SEMENANJUNG  
MALAYSIA

Laporan Tahunan 1986

## KANDUNGAN

	Muka Surat
CARTA ORGANISASI . . . . .	1
PENTADBIRAN . . . . .	2
PEMBANGUNAN . . . . .	20
KUATKUASA UNDANG-UNDANG . . . . .	22
PENYELIDIKAN . . . . .	25
a. Kambing Gurun . . . . .	25
b. Kucing Hutan . . . . .	26
c. Tuntung . . . . .	26
d. Inventori Hidupan Liar dan Habitat . . . . .	27
e. Projek Mengelang Burung . . . . .	28
f. Gajah . . . . .	29
g. Burung Pucong dan Bangau . . . . .	30
h. Burung Enggang . . . . .	30
i. Biawak Air . . . . .	31
j. Penyelidikan Kijang . . . . .	31
PENGURUSAN . . . . .	32
a. Badak . . . . .	32
b. Seladang . . . . .	34
c. Projek Pembiakan Tuntung . . . . .	36
d. Rusa . . . . .	39
e. Projek Pembiakan Burung Kuang . . . . .	41
f. Harimau . . . . .	43
TAMAN NEGARA, REZAB DAN SANTUARI . . . . .	44
UNIT PENGURUSAN GAJAH . . . . .	49
LATIHAN DAN PENDIDIKAN . . . . .	54
ZOO MELAKA . . . . .	63
 APENDIK	
Lampiran A: Kuatkuasa Undang-Undang: Data Pencapaian Kes Bagi Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia 1986.	146-163
Lampiran B: Bilangan Lesen Yang Dikeluarkan Dan Hasil Yang Dipungut Mengikut Jenis Tahun 1986.	164-165
Lampiran C: Data Eksport Dan Eksport Semula Hidupan Liar Malaysia 1986, Berdasarkan Sijil-Sijil CITES Yang Dikeluarkan.	166-168
Lampiran D: Data Eksport Hidupan Liar oleh Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia, 1986 Berdasarkan Lesen KPM 21A Yang Dikeluarkan.	169-171
Lampiran E: Data Import Hidupan Liar oleh Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia, 1986 Berdasarkan Lesen KPM 21A Yang Dikeluarkan.	172-173

Gunung Gagau di Taman Negara Terengganu.

- Pameran Sains dan Teknologi Asean yang pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
- Pameran Peranan Zoologi Dalam Pembangunan Negara diadakan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Kajian hidupan liar (*khasnya kijang*) di Hutan Simpan Sungai Lalang dan Hutan Simpan Ulu Gombak.
- Kajian Herpetofauna di Ulu Sungai Pergau, Kelantan.

### BAHAGIAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR

#### PENGURUSAN BADAK KERBAU (*Dicerorhinus sumatrensis*)

TARIKH TANGKAPAN	JANTINA	UKURAN TAPAK		UKURAN DADA	KETINGGIAN	TEMPAT TANGKAPAN	CARA TANGKAPAN
		Kaki Belakang	Kaki Hadapan				
1. 10.2.86 (RIMA)	BETINA	18.19sm	19.8sm		115sm	Tenggaroh, Johor	Jatuh dalam lubang perangkap.
2. 5.7.86 (JULIA)	BETINA	19.20sm	18sm	196sm	119sm	Ulu Bernam Perak	Terperangkap dalam parit yang berlumpur.
3. 10.9.86 (DUSUN)	BETINA	Belum dapat diukur		182sm	117sm	Sungai Dusun, Selangor	Jatuh kedalam lubang perangkap.

- Jumlah yang telah ditangkap sepanjang 1986: 3 ekor
- Seekor telah mati ditembak oleh pemburu haram di Sungai Dusun pada bulan September yang lalu.

Pada tahun ini, berpandukan pada jadual di atas, sebanyak tiga ekor badak kerbau telah dapat ditangkap. Di Tenggaroh, Johor, seekor badak kerbau betina dengan ukuran tapak kaki hadapan sepanjang 19.8sm dan kaki belakang 18.19sm telah dapat ditangkap di dalam lubang perangkap pada 10.2.1986. Ianya diberi nama "Rima". Di Ulu Bernam, Perak pula seekor badak kerbau betina yang kemudiannya diberi nama "Julia", yang terperangkap di dalam parit yang berlumpur, telah ditangkap pada 5.7.1986. Ukuran tapak kaki hadapannya ialah sepanjang 18sm dan kaki belakangnya 19.20sm. Badak kerbau



yang terakhir sekali, juga betina, telah ditangkap di dalam perangkap di Sungai Dusun, Selangor pada 10.9.86. Ianya diberi nama "Dusun". Walau bagaimanapun, ukuran kaki hadapan dan belakangnya yang sebenar masih belum dapat diukur.

Pada bulan September 1986, satu perkara yang amat mendukacitakan sekali telah berlaku iaitu kematian seekor badak kerbau jantan yang telah ditembak mati oleh pemburu haram di Sungai Dusun, Selangor. Badak kerbau jantan yang selama ini dicari-cari dan cuba perlindungan hilang begitu saja. Perkara ini amatlah dikesalkan.

Kawasan-kawasan operasi badak yang masih aktif dan tidak aktif lagi adalah disenaraikan seperti berikut:—

1. Pahang
  - i) Hutan Tersang
    - 2 lubang perangkap
    - tidak aktif
  - ii) Bukit Gebok
    - 6 lubang perangkap
    - tidak aktif
  - iii) Ulu Atok, Raub
    - 2 lubang perangkap
    - tidak aktif
2. Selangor
  - i) Sungai Dusun
    - 6 lubang perangkap
    - 1 masih aktif

### 3. Johor

#### i) Tenggaroh

- 1 lubang perangkap
- tidak aktif

#### ii) Kambau

- 10 lubang perangkap
- tidak aktif
- operasi di Negeri Johor telah dihentikan

Pada keseluruhannya, operasi badak yang dijalankan telah menghasilkan kejayaan dan telah memainkan peranan dalam melindungi spesies yang hampir pupus ini. Segala usaha yang telah dijalankan selama ini, kini membuahkan hasil yang menggalakkan. Semoga pada tahun 1987, seekor badak kerbau jantan pula akan dapat diperolehi bagi menambahkan populasi badak kerbau dalam kurungan. Ini merupakan salah satu cara untuk mengatasi haiwan ini dari mengalami kepupusan.

## PENGURUSAN SELADANG (*Bos gaurus hubbacki*)

### PROJEK SELADANG JENDERAK PAHANG

#### 1. Kepadatan dan Dinamik Populasi:

Stok 1985 \ Butir-butir	Kelahiran (ekor)	Tarikh Kelahiran	Tangkapan (ekor)	Kematian (ekor)	Jumlah Di akhir 1986 (ekor)
4.	1	6.6.86	2	2	5 (1 + 4)

Dari jadual di atas, hanya seekor seladang sahaja yang dilahirkan iaitu pada 6.6.86 yang kemudiannya diberi nama Selatan. Sebanyak dua kes menangkap anak seladang telah dibuat. Tangkapan pertama telah dibuat ke atas seekor anak seladang pada 18.6.86 di Jenut Michael, Ulu Lepar. Walau bagaimanapun, anak seladang ini mati pada 13.7.86. Tangkapan kedua pula telah dilakukan semasa operasi seladang dijalankan. Seekor anak seladang dewasa telah dapat ditangkap pada 4.12.86 di Seberang Berakit. Anak seladang ini juga mati dua hari kemudiannya, iaitu pada 6.12.86. Oleh itu jumlah di akhir 1986 ialah sebanyak lima ekor iaitu seekor betina dan empat ekor jantan.

#### 2. Pemakanan:

Makanan utama bagi seladang di projek ini ialah rumput-rumput pastura seperti *Paspalum conjugatum* dan *Centrosema pubescens*. Di samping itu daun-daun tumbuhan herba juga diberi disebabkan ragutan yang kerap dilakukan ke atas rumput-rumput. Sebagai contohnya ialah daun mengkirai, kerayong, mahang dan lain-lain lagi.